

## **Faktor-Faktor Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kelantan**

(Factors Influencing Selection of Entrepreneurial Career Among Kelantan Community College Students)

ROSLIEZA BINTI ABDUL HAMID

### ABSTRAK

*Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan. Soal selidik dengan skala likert 5 markah telah diedarkan kepada 100 responden dari tiga buah Kolej Komuniti Kelantan iaitu Kolej Komuniti Pasir Mas, Kolej Komuniti Kok Lanas dan Kolej Komuniti Jeli. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages For Social Sciences) versi 2.0 untuk mencari korelasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya pelajar Kolej Komuniti Kelantan berminat untuk menjadi usahawan. Terdapat beberapa faktor dalaman yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan iaitu minat, pensyarah dan latihan keusahawanan manakala beberapa faktor luaran iaitu ahli keluarga, rakan sebaya dan peluang pekerjaan. Kajian juga mendapati faktor bangsa, keluarga dan bidang pengajian pelajar turut menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan manakala wujudnya korelasi yang positif dan signifikan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dengan ahli keluarga, rakan sebaya, peluang pekerjaan dan latihan keusahawanan. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan sebagai panduan dalam usaha untuk meningkatkan pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar Kolej Komuniti. Bagi mencapai hasrat kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 semua pihak termasuk pelajar, pensyarah, kolej komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi, ibu bapa dan masyarakat harus bertanggungjawab dalam meyakinkan kerjaya keusahawanan adalah satu kerjaya yang boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan selepas tamat pengajian.*

*Kata kunci: Keusahawanan, kerjaya, pelajar kolej komuniti*

## 1.0 PENGENALAN

Kerjaya dalam bidang keusahawanan semakin berkembang pesat dan menjadi faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang ini menjadi satu kerjaya pilihan bagi generasi muda terutamanya di negara-negara maju. Namun, keadaan tersebut sangat jauh berbeza dengan situasi yang berlaku di Malaysia. Kerjaya keusahawanan masih belum mendapat tempat dalam kalangan graduan IPTA dan IPTS di Malaysia terutamanya Kolej Komuniti.

Oleh itu, para graduan disaran untuk memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan. Mereka perlu berani berbuat demikian meskipun terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi. Sekurang-kurangnya mereka tidak menganggur selepas tamat pengajian lantaran terlalu mengharap pasar kerja yang kini semakin terhad. Apa yang perlu dilakukan para graduan diminta mengenal pasti jenis perniagaan yang mahu diceburi. Ini bagi memastikan jenis perniagaan yang dipilih itu bersesuaian dengan kebolehan serta minat mereka.

Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 yang dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abd Razak pada 7 April 2015 di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur amat menitikberatkan tentang enam domain utama iaitu etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan. Bagi mentransformasikan sistem ini terdapat 10 lonjakan yang diperlukan dan di antaranya ialah melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ini bagi memastikan graduan memiliki disiplin ilmu yang relevan, akhlak dan penetapan minda yang sesuai, tingkah laku dan beradab untuk memajukan diri bagi membolehkan mereka memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam memacu Malaysia ke arah yang lebih cemerlang dan berwibawa, pelbagai dasar dan polisi telah diperkenalkan oleh pucuk kepimpinan negara dan yang terbaharu dasar Transformasi Nasional 2050 atau TN50. Dasar ini telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bertujuan membentuk masa depan negara Malaysia yang lebih cemerlang bermula 2020 hingga 2050 kelak. TN50 juga adalah satu platform untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih berpotensi dari sudut ekonomi, inovasi mahupun kesejahteraan rakyat.

Berdasarkan pernyataan di atas, maka satu kajian telah dilaksanakan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar kolej komuniti. Fokus kajian tertumpu kepada pelajar Kolej Komuniti Kelantan bagi mengetahui faktor faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan mereka sama ada dipengaruhi oleh faktor luaran seperti ahli keluarga dan peluang kerjaya ataupun faktor dalaman iaitu minat terhadap kerjaya keusahawanan serta latihan keusahawanan yang pernah dihadiri oleh mereka

## 1.1 Pernyataan Masalah

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini, kadar pengangguran di negara ini pada Januari 2017 adalah 3.5 peratus. Angka ini adalah sama seperti bulan sebelumnya (Disember 2016). Bagaimanapun jika dibuat perbandingan antara Januari tahun 2017 dengan Januari tahun 2016, kadarnya meningkat dalam 0.1 peratus. Pada Januari 2016 kadar pengangguran yang dicatatkan ialah 3.4 peratus. (Utusan Malaysia, 17 Mei 2017).

Walaupun peningkatan pengangguran cuma 0.1 peratus namun jika masalah ini tidak ditangani dengan baik sudah pasti kadarnya boleh meningkat dari setahun ke setahun. Mahu tidak mahu kerajaan serta semua pihak berkaitan perlu berbuat sesuatu agar masalah pengangguran ini mampu ditangani dengan lebih berkesan. Justeru itu, salah satu penyelesaian kepada masalah pengangguran ini ialah melalui pembabitan yang meluas dalam bidang keusahawanan (Salmah, 2006).

Dalam pada itu banyak pihak berpandangan termasuk kerajaan bahawa bidang keusahawanan adalah salah satu alternatif atau jalan keluar bagi mengatasi masalah tersebut. Tambahan pula bidang berkenaan telah diiktiraf sebagai salah satu inisiatif utama dalam pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara.

## 1.2 Objektif Kajian

Antara objektif kajian adalah:

- i. Mengenalpasti faktor minat mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar.
- ii. Mengenalpasti faktor latihan keusahawanan mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar.
- iii. Mengenalpasti faktor ahli keluarga mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar.
- iv. Mengenalpasti faktor peluang kerjaya mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar.

## 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah:

- i. Adakah faktor minat mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar ?
- ii. Adakah faktor latihan keusahawanan mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar ?

- iii. Adakah faktor ahli keluarga mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar ?
- iv. Adakah faktor peluang kerjaya mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar ?

#### **1.4 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini terhad kepada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Kelantan yang terdiri dari Kolej Komuniti Pasir Mas, Kolej Komuniti Kok Lanas dan Kolej Komuniti Jeli. Aspek kajian pula terbatas mengenai beberapa faktor yang telah dikenalpasti mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan iaitu faktor dalaman seperti minat terhadap kerjaya keusahawanan dan latihan keusahawanan yang pernah disertai manakala faktor luaran seperti galakan ahli keluarga kepada pelajar untuk memilih kerjaya keusahawanan serta peluang kerjaya yang lebih cerah dalam bidang keusahawanan.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti antara faktor manakah yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan. Hasil kajian ini diharapkan boleh membantu dan memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti:

- i. Memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan mereka mendapat pendedahan dan latihan awal keusahawanan. Di samping dapat mengenalpasti minat yang ada pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran yang sedia ada.
- ii. Memberi kesedaran kepada ibu bapa pelajar tentang betapa pentingnya peranan dan keprihatinan mereka terhadap potensi dan galakan serta dorongan kepada anak-anak mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.
- iii. Membantu pensyarah untuk membentuk dan menjelaskan potensi dan kesediaan pelajar dalam bidang keusahawanan dalam usaha untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang baik.
- iv. Sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk meneruskan kajian dalam bidang yang sama atau bidang yang hampir sama yang menjurus kepada bidang keusahawanan.
- v.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN TERDAHULU

Kajian ini memfokuskan kepada faktor faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan. Faktor - faktor tersebut terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman seperti minat terhadap kerjaya keusahawanan dan juga latihan keusahawanan yang pernah dihadiri oleh mereka manakala faktor luaran pula seperti dorongan atau galakan dari ahli keluarga serta peluang kerjaya keusahawanan.

Di antara kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan faktor dalaman ialah kajian oleh Krueger dan Carsrud (1993), yang menyatakan pembentukan kecenderungan keusahawanan bergantung kepada sikap terhadap perlakuan yang disasarkan kerana ia mencerminkan kepercayaan dan persepsi/tanggapan seseorang itu.

Selain sikap dan minat, faktor dalaman yang kedua ialah latihan keusahawanan. Menurut Yusof (2008) pengetahuan mengenai dunia perniagaan terlalu banyak dan luas di mana banyak kursus atau seminar yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak tertentu bagi memberikan input yang terbaik kepada usahawan. Menerusi kursus dan seminar juga, seseorang itu akan dapat bersama-sama berkongsi pengalaman mahupun masalah dalam dunia perniagaan. Ini bertepatan dengan pendapat Ahmad Berek (1976) usahawan boleh dilahirkan melalui latihan-latihan atau rancangan-rancangan keusahawanan. Mereka diajar, dipimpin, didorong dan dibantu dengan modal dan ilmu pengurusan.

Faktor luaran yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan ialah dorongan ahli keluarga serta peluang kerjaya dalam bidang keusahawanan. Sikap dan dorongan ibu bapa terhadap pendidikan serta galakan yang diberikan terhadap proses pembelajaran anak-anak akan meningkatkan minat serta pencapaiannya di bidang pelajaran atau aktiviti mereka. Kenyataan ini disokong oleh Omardin (1996) dengan menyatakan peranan ibu bapa sangat penting dengan memberikan perhatian terhadap pelajaran atau aktiviti anak-anak di samping sebagai pemberi dorongan untuk berjaya. Perhatian yang dimaksudkan bukan hanya bermaksud terhadap pelajaran sahaja tetapi proses untuk mendapatkan pelajaran itu. Pendedahan terhadap sesuatu bidang adalah merupakan salah satu daripada proses pembelajaran.

Selain dorongan ahli keluarga, faktor luaran yang kedua ialah peluang kerjaya keusahawanan. Menurut Casson (1985) dalam Salmianti (2013) menegaskan bahawa konsep keusahawanan merupakan satu titik untuk menerangkan bahawa sumber yang melimpah ruah itu bukannya mengawal kekayaan tetapi cara bagaimana sumber tersebut diuruskan adalah lebih penting dalam mengawal kekayaan. Ini disokong oleh Timmon (1994) dalam Nor Aishah (2002) yang menyatakan keusahawanan merupakan satu tindakan kemanusiaan yang kreatif dalam membina sesuatu yang bernilai dan mengejar peluang-peluang tanpa menghiraukan kewujudan sumber atau sebaliknya. Ia

memerlukan wawasan, keghairahan dan komitmen untuk memimpin orang lain untuk mencapai wawasan di samping menanggung risiko-risiko yang mungkin berlaku.

Menurut Abdul Rahman (2000) kerjaya berkembang secara dinamik dan sentiasa mengikut perubahan yang berlaku dalam sesuatu kelompok masyarakat kerana ia merupakan salah satu daripada aktiviti sosial yang mempunyai fungsi tertentu. Ini menunjukkan bahawa proses memilih kerjaya adalah sangat penting kerana ia berkait rapat dengan masa depan seseorang dan destinasi kehidupannya (Norasmah 2012).

Perubahan ekonomi dunia yang tidak menentu menyebabkan peluang pekerjaan semakin terhad dalam kalangan siswazah (Norasmah, 2012). Keadaan menjadi lebih kritikal apabila pihak majikan bukan melihat kepada kelayakan akademik sahaja tetapi juga kepada kemahiran-kemahiran lain yang mereka miliki (Morshidi et al. 2010). Secara tidak langsung, ini meningkatkan persaingan dalam mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka.

Menurut Norasmah (2012) globalisasi mewujudkan peluang bekerja sendiri menerusi perniagaan atas talian. Ini bertepatan dengan model Bird (1998) kewujudan teknologi merupakan salah satu faktor penting kepada seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan. Dapatan ini juga disokong oleh kajian Saniah (2006) yang menunjukkan bahawa faktor yang mendorong seseorang memilih kerjaya keusahawanan adalah disebabkan oleh bantuan dan sokongan kerajaan yang terhasil akibat dari globalisasi. Dengan adanya persepsi positif terhadap kerjaya keusahawanan bermakna peluang pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan adalah lebih cerah.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dalam bentuk soal selidik di mana data adalah bersifat kuantitatif. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi item-item butiran tertutup. Responden hanya perlu menandakan jawapan yang difikirkan sesuai. Ini akan memudahkan responden menjawab dengan mudah dan cepat.

Soalan kajian terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A (profil responden) dan Bahagian B (faktor- faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan). Maklumat yang diperolehi meliputi profil responden seperti jantina, bangsa, bidang pengajian dan Purata Markah Keseluruhan (PMK) yang terkini. Soalan Bahagian B berkaitan dengan minat mereka terhadap kerjaya keusahawanan, peranan ahli ahli keluarga dalam pemilihan kerjaya keusahawanan, program keusahawanan yang dihadiri serta peluang kerjaya keusahawanan yang menjamin masa depan. Item-item soal selidik menggunakan skala likert 5 poin dengan skor (1) Sangat Tidak Setuju (STS), (2) Tidak Setuju (TS), (3) Tidak Pasti (TP), (4) Setuju (S) dan (5) Sangat Setuju (SS).

Data telah dianalisis dengan menggunakan aplikasi SPSS (*Statistical Packages For Social Sciences*) versi 20.0.

Interpretasi skor min telah diadaptasi daripada Norasmah (2002) seperti dalam jadual 1 telah digunakan sebagai asas penentuan tahap. Tahap yang tinggi dalam Jadual 1 akan memberi maksud persepsi positif manakala tahap yang rendah pula membawa maksud persepsi negatif terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Seramai 100 orang pelajar Kolej Komuniti Kelantan iaitu Kolej Komuniti Pasir Mas, Kolej Komuniti Kok Lanas dan Kolej Komuniti Jeli telah dipilih sebagai sampel kajian.

**Jadual 1** Interpretasi skor min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah/ negatif
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi/ Positif

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis telah dijalankan di Kolej Komuniti Pasir Mas yang bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Sejumlah 10 orang responden telah dipilih untuk menjawab item-item soal selidik. Menurut Abu Hassan dalam Rohana (2000), bagi tujuan kajian rintis, bilangan responden yang tidak melebihi 20 orang adalah dianggap sesuai untuk penyelidikan yang melibatkan soal selidik.

Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan, nilai alpha bagi keseluruhan bagi keseluruhan item yang dibina ialah 0.879. Bersesuaian dengan kenyataan Suhaimi (1996), jika nilai alpha didapati kurang daripada 0.5, maka penyelidik perlu memperbaiki item soal selidik untuk meningkatkan kebolehpercayaannya. Berdasarkan dapatan yang diperolehi dari kajian rintis ini, semua nilai alpha bagi item tersebut adalah melebihi 0.5 dan boleh diterima pakai dan mempunyai kebolehpercayaan yang baik untuk dibuat kajian sebenar.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Analisis Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden perempuan adalah lebih ramai iaitu 76 peratus berbanding hanya 24 peratus sahaja responden lelaki. Dari aspek bangsa pula, semua sampel terdiri dari bangsa Melayu. Sejumlah 69 peratus pelajar mengambil bidang pengajian bukan teknikal manakala 31 peratus pelajar mengambil bidang teknikal. Data juga mendapati pelajar-pelajar yang mendapat PMK 3.01 hingga 3.50 merupakan responden yang paling ramai iaitu 54 peratus, diikuti PMK 2.50 hingga 3.00 sejumlah 24 peratus, 3.51 hingga 4.00 sejumlah 18 peratus dan PMK 2.00 hingga 2.50 sejumlah 4 peratus.

**Jadual 2** Profil demografi responden

Profil Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	24	24
	Perempuan	76	76
Bangsa	Melayu	100	100
Bidang Pengajian	Teknikal	31	31
	Bukan Teknikal	69	69
PMK terkini	2.00 hingga 2.50	4	4
	2.50 hingga 3.00	24	24
	3.01 hingga 3.50	54	54
	3.51 hingga 4.00	18	18

**Jadual 3** Min dan Sisihan Piawai Faktor - Faktor Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

No	Faktor-faktor Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	Min	Sisihan Piawai	Tahap interpretasi skor
1	Saya berminat untuk menjadi usahawan	4.30	0.745	Tinggi/ Positif
2	Saya bercita-cita untuk menjadi usahawan	4.17	0.779	Tinggi/ Positif
3	Ibu bapa/ ahli keluarga saya seorang peniaga/ usahawan	3.64	1.078	Sederhana Tinggi
4	Ibu bapa/ ahli keluarga menyokong saya untuk terlibat dalam bidang keusahawanan	4.30	0.745	Tinggi/ Positif
5	Saya aktif dalam kursus/ program	4.41	0.842	Tinggi/ Positif



keusahawanan semasa di kolej				
6	Kursus/ program yang saya hadiri banyak memberi kesan positif kepada saya	4.39	0.633	Tinggi/ Positif
7	Bidang keusahawanan memberi peluang kerjaya yang menjamin masa depan	4.54	0.657	Tinggi/ Positif
8	Kerjaya dalam bidang keusahawanan dapat memberi khidmat kepada masyarakat	4.53	0.642	Tinggi/ Positif

#### 4.2 Objektif kajian 1: Mengenalpasti faktor minat mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian tentang faktor minat yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar kolej komuniti. Hasil dapatan mendapati secara keseluruhannya minat sangat mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar iaitu pada tahap tinggi/ positif . Minat menjadi usahawan telah mendapat nilai skor yang paling tinggi (min= 4.30, sp= 0.745) manakala cita-cita untuk menjadi usahawan telah mendapat nilai skor (min= 4.17, sp=0.779). Dapatan ini menggambarkan faktor minat sangat mempengaruhi pemilihan kerjaya kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan.

Menurut Norfadhilah (2010) majoriti pelajar mempunyai sikap dan minat yang positif terhadap kerjaya keusahawanan. Kesedaran tentang peranan, kepentingan dan sumbangan bidang keusahawanan kepada peningkatan ekonomi diri sendiri telah menguatkan sikap dan minat mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Galakan dan pendedahan perlu diberikan kepada pelajar ke arah keusahawanan kerana golongan ini berpotensi menjadi usahawan yang berjaya.

#### 4.3 Objektif kajian 2: Mengenalpasti faktor latihan keusahawanan mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian tentang faktor latihan keusahawanan mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Hasil dapatan mendapati ramai di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan terlibat dengan kursus dan program keusahawanan semasa di kolej dengan mendapat nilai skor yang paling tinggi iaitu (min= 4.41, sp = 0.842) manakala ramai juga yang berpendapat program keusahawanan tersebut banyak memberi kesan positif terhadap mereka dan mendapat nilai skor (min = 4.39, sp = 0.634). Dapatan ini menggambarkan faktor latihan keusahawanan sangat mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan.

Dalam Norasmah (2011) menurut (Petterman & Kennedy, 2003, Politis, 2005, Kuratko, 2005, Norashidah et al., 2009) pendidikan keusahawanan diakui boleh menggalak dan mengubah pembentukan tingkah laku atau meningkatkan prestasi sesuatu usaha teroka. Tambahan pula, Drucker (1985) menganggap pendidikan keusahawanan adalah suatu disiplin ilmu yang boleh dipelajari. Malah Zaidatol Akmaliah (2007) juga mengakui pendidikan keusahawanan mampu menyediakan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran serta pengalaman individu yang pastinya akan mengurangkan kegagalan dalam perniagaan terutamanya ketika usia perniagaan yang muda. Dalam konteks ini, beliau mengakui kecenderungan seseorang terhadap kerjaya keusahawanan dapat dipupuk menerusi pendidikan keusahawanan.

#### 4.4 Objektif kajian 3: Mengenalpasti faktor ahli keluarga mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian tentang faktor ahli keluarga mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Hasil dapatan mendapati sokongan ibu bapa/ahli keluarga untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan mendapat nilai skor yang paling tinggi iaitu (min = 4.30, sp = 0.745) manakala latar belakang keluarga yang terlibat dengan bidang perniagaan dan keusahawanan mendapat nilai skor (min = 3.78, sp= 1.115)

Menurut Sabree (2002) anak kepada usahawan mempunyai kecenderungan lebih untuk menjadi usahawan. Ini mungkin terjadi kerana faktor pendedahan semenjak dari kecil lagi. Pendedahan harian kepada aktiviti perniagaan boleh menimbulkan minat seseorang terhadap terhadap bidang perniagaan. Kenyataan ini disokong oleh Norfadhilah (2010) yang menyatakan pendidikan non formal yang diterima dari ahli keluarga yang terlibat dengan perniagaan telah berjaya mencetuskan aspirasi terhadap kerjaya keusahawanan. Selain daripada pemupukan budaya keusahawanan dalam keluarga, pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh keluarga dapat merangsang dan memotivasikan pelajar ke arah kerjaya yang sama dengan keluarga mereka.

#### 4.5 Objektif kajian 4: Mengenalpasti faktor peluang kerjaya mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian tentang faktor peluang kerjaya mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan. Hasil dapatan mendapati bidang keusahawanan memberi peluang kerjaya yang menjamin masa depan dengan mendapat nilai skor yang paling tinggi iaitu (min= 4.54, sp = 0.658) manakala kerjaya dalam bidang keusahawanan dapat memberi khidmat kepada masyarakat mendapat nilai skor (min = 4.53 , sp = 0.643). Dapatan ini menunjukkan faktor peluang kerjaya sangat

mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan. Ramai di kalangan pelajar mula sedar kerjaya keusahawanan boleh memberi jaminan masa depan dari segi pendapatan yang lumayan.

Menurut Norasmah (2011) penglibatan dalam bidang keusahawanan memberi ruang kepada individu untuk bekerja mengikut apa yang diingini mereka bagi meneroka dan mencipta peluang yang memungkinkan pulangan yang cukup lumayan. Dalam erti kata lain, kerjaya keusahawanan memerlukan individu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang mencukupi untuk menempa kejayaan dalam bidang yang diterokai.

Manakala menurut Norfadhilah (2010) kerjaya keusahawanan telah dilihat sebagai salah satu daripada jalan penyelesaian bagi masalah pengangguran siswazah berijazah terutamanya dalam zaman kesukaran mendapatkan pekerjaan pada masa kini.

## **5.0 KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil kajian ini menunjukkan faktor dalaman ( $\text{min} = 4.31$ ) adalah lebih tinggi berbanding faktor luaran ( $\text{min} = 4.25$ ). Ini bermakna faktor dalaman (minat dan latihan keusahawanan) telah memberi impak yang sangat tinggi kepada pelajar berbanding dengan faktor luaran (dorongan ahli keluarga dan peluang kerjaya) dalam pemilihan kerjaya keusahawanan kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan.

Keputusan ini dapat disokong apabila lebih daripada separuh pelajar (67%) jurusan bukan teknikal merupakan responden yang memilih kerjaya keusahawanan. Faktor yang mempengaruhi mereka untuk menceburi bidang keusahawanan adalah faktor minat dan cita-cita untuk menjadi seorang usahawan serta program atau latihan keusahawanan yang dihadiri banyak memberi kesan yang positif terhadap perkembangan kerjaya mereka.

Minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan ini telah terhasil daripada kurikulum pendidikan keusahawanan yang telah diterapkan di peringkat akar umbi di peringkat kementerian seterusnya di peringkat jabatan dan seterusnya disalurkan ke kolej komuniti itu sendiri. Pelajar yang telah memahami akan konsep keusahawanan telah menjiwai dan mengamalkan ilmu keusahawanan yang dipelajari di kolej menjadikan mereka untuk terus memilih kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Selain dapat mengatasi masalah pengangguran dan kesukaran mendapatkan pekerjaan apabila menamatkan pengajian di kolej, pemilihan kerjaya keusahawanan juga dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi mereka. Pemupukan dan pembudayaan keusahawanan di kalangan mereka harus diterapkan agar segala cita-cita dan harapan mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya akan tercapai.

Sistem pendidikan di peringkat kementerian yang lebih menekankan pemusatan pelajar menyebabkan pelajar lebih cenderung ke arah kerjaya keusahawanan. Program-program latihan yang dijalankan banyak bercorak *hands on experience, know how, problem solving* dan *action oriented*. Begitu juga dengan aspek *enterprising* yang telah dimasukkan ke dalam semua kurikulum bagi melahirkan graduan yang bercirikan keusahawanan dan *business minded*. Ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) Pendidikan Tinggi PPPM (PT) yang berhasrat untuk menghasilkan graduan yang dapat menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan. Program-program latihan yang dianjurkan di peringkat kementerian, jabatan dan kolej seperti *SME Bank 90 Days Business Challenge* yang telah dijalankan setiap tahun di peringkat kebangsaan, Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan Tinggi 2017, *Community College Incubator Challenge (CCIC)* dan *Digital Incubator Community College (DICC)* serta aktiviti dan program keusahawanan yang sentiasa dianjurkan dan diterapkan di peringkat kolej telah memberi impak positif kepada pelajar sehingga dapat mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kelantan.

## 6.0 RUJUKAN

- Aziz, A. R., 2000. Pekerjaan dalam kehidupan manusia. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Bird, B.J., 1998. Entrepreneurial behavior. Glenview, Illinois: Scott, Foresman and Company.
- Buang, N. A., 2002. Asas keusahawanan. Fajar Bakti. Polygraphic (M) Sdn. Bhd.
- Casson, M., 1985. Entrepreneurship and dynamics of foreign investment. New York: St. Martin's Press.
- Hassan, S., 2006. Laluan kerjaya keusahawanan di kalangan usahawan siswazah lepasan 1988-2003. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Krueger, N.F. & Carsrud, A. L. 1993. Entrepreneurial intention: applying the theory of planned behaviour. *Entrepreneurship & Regional Development*, 5, 315- 330.
- Morshidi, S., Ahmad, F. S., Ibrahim, K., Nik, N.S., Norzaini A., Yang, F. & Wong, W., 2010. Research and collaboration in an expanding higher education market in the Asia-Pacific: the experiences of Malaysian Universities.
- Mutalib, S., 2013. Tinjauan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi awam.
- Nasharudin, N., & Harun, H., 2010. Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35, 11-17.
- Othman, N., Othman, N. H., Poo B.T., Ismail, R., 2012. Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. *Prosiding PERKEM VII*: 435-445.
- Othman, N., & Ishak, S., 2011. Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi peserta skim usahawan siswa. *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*. 56 (September): 47-63.
- Utusan Malaysia, 17 Mei 2017.
- [www.pmjib.edu.my](http://www.pmjib.edu.my)
- Yusof, B., & Sapiah, B., 2008. Kesiediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor.

BORANG SEMAKAN KERTAS PENYELIDIKAN

TAJUK KERTAS :

Faktor-faktor mempengaruhi pemilihan kajian kesihatan  
keluarga pelajar kolej komuniti kelantan

PENULIS : Pn. Rosliga bt. Abdul Hamid.

KOMEN / CADANGAN

Bil.	Perkara	Catatan
1.	Tajuk	Okay. dan clear.
2.	Abstrak	-ok. -masukkan jenis analisis digunakan - SPSS.
3.	Pengenalan	Okay dan baik.
4.	Latarbelakang / Literature Review	LR - pastikan perlu ada perkaitan/kesinambungan - mula dgn faktor minat, latih keusah, siti kelua & pelua kajian.
5.	Tujuan / Hipotesis	-ok dan memuatkan -RO & RQ adalah selari
6.	Metodologi	- masukkan penggunaan SPSS sebagai software utla analisis
7.	Keputusan	- ok dan baik
8.	Cadangan / Kesimpulan	-please relate dengan LR supaya nampak lagi kemas
9.	Rujukan	pastikan format betul (APA style)
10.	Cadangan keseluruhan :	
	<input type="checkbox"/>	Diterima sepenuhnya
	<input checked="" type="checkbox"/>	Diterima dengan pembetulan (minor)
	<input type="checkbox"/>	Ditolak

  
 ( MOHD AZIAN BIN HUSIN @ CHE HAMAT )  
 Ketua Penyelaras  
 Penyelidikan & Inovasi (RNI)  
 Universiti Kelantan & Terengganu  
 23/8/17